



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1988
DR.31/1988

D.R. 31/88

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1988 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.
Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Seksyen 6 Akta Pertubuhan Peladang 1973, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda—
Pindaan seksyen 6. Akta 109.
 - (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “kepentingan ekonomi dan sosial atau kebajikan ahli-ahli atau unit-unit ahlinya melalui penyertaan terus dan hendaklah mempunyai kuasa bagi membuat segala perkara yang perlu bagi maksud mencapai tujuan-tujuan itu, dan khususnya tetapi tanpa menyentuh keluasan perkara yang tersebut di atas, kuasa-kuasa yang berikut—” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “kepentingan-kepentingan ekonomi dan sosial ahli-ahlinya atau kebajikan ahli-ahlinya atau

unit-unit ahlinya dan hendaklah mempunyai kuasa bagi melakukan segala perkara yang perlu untuk mencapai tujuan-tujuan itu dan khususnya, tetapi tanpa menyentuh keluasan perkara yang tersebut di atas, ia hendaklah mempunyai kuasa—”;

- (b) dengan menggantikan perenggan (j) subseksyen (1) dengan perenggan (j) baru yang berikut:

“(j) bagi membolehkan pembentukan modal dan pelaburan di kalangan ahli-ahli atau unit-unit ahlinya melalui penubuhan syarikat-syarikat atau penyertaan ekuiti dalam usaha-usaha perdagangan dan perniagaan;”;

- (c) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen (2) baru yang berikut:

“(2) Walau apa pun kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen-kecil (1), sesuatu Pertubuhan Peladang boleh menubuhkan apa-apa syarikat atau menyertai ekuiti mana-mana usaha perdagangan atau perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Pendaftar, dan Pendaftar boleh, pada memberikan kelulusan sedemikian, mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.”;

- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (2), subseksyen baru (3) dan (4) yang berikut:

“(3) Tanpa menjejaskan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Pendaftar dalam seksyen-kecil (2), Pendaftar boleh, melalui perintah secara bertulis, menghadkan, mengenakan syarat-syarat ke atas atau mengawalselia kuasa-kuasa sesuatu Pertubuhan Peladang untuk memastikan kecukupan dan untuk mengelakkan penduaan, fungsi-fungsi Pertubuhan Peladang itu.

(4) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan apa-apa perintah Pendaftar di bawah seksyen-kecil (2) atau (3) boleh merayu kepada Menteri dalam masa tiga puluh hari dari perintah itu dibuat dan Menteri boleh mengesahkan, mengubahkan atau membatalkan perintah itu; dan keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana Mahkamah.”.

3. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 12.

- (a) dengan menomborkannya semula sebagai subseksyen (1) seksyen itu; dan
- (b) dengan menambahkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula itu subseksyen baru (2) yang berikut:

“(2) Tanggungan seseorang ahli atau unit ahli bagi hutang-hutang sesuatu Pertubuhan Peladang hendaklah ditentukan mengikut perkadaran syer atau kepentingan yang dipegang oleh ahli atau unit-ahli itu berbanding dengan keseluruhan hutang-hutang Pertubuhan Peladang itu.”.

4. Seksyen 34 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “Pendaftar” di mana-mana jua terdapat dalam perenggan (b) dengan perkataan-perkataan “Ketua Pendaftar”.

Pindaan
seksyen 34.

5. Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan-
pindaan am.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Ordinan Syarikat Kerjasama, 1948 Tanah Melayu” dan rujukan birai “F.M. 33/48.” di mana-mana jua terdapat masing-masingnya dengan perkataan-perkataan “Akta Koperasi 1948 bagi Malaysia Barat” dan rujukan birai “Akta 287.”;

- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Ordinan Syarikat Kerjasama, 1958 Sabah” di mana-mana jua terdapat dalam teks bahasa kebangsaan dengan perkataan-perkataan “Ordinan Koperasi, 1958 Sabah”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Ordinan Syarikat Kerjasama Sarawak” di mana-mana jua terdapat dalam teks bahasa kebangsaan dengan perkataan-perkataan “Ordinan Koperasi Sarawak”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973 (yang selepas ini disebut sebagai “Akta”).

2. *Fasal 2* bertujuan membuat pindaan kepada seksyen 6 Akta bagi membolehkan Pertubuhan-Pertubuhan Peladang bergiat dalam usaha-usaha perdagangan atau perniagaan yang lebih besar dan bersaing dengan syarikat-syarikat swasta. Pindaan yang dicadangkan ini bertujuan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen (2) yang baru dengan peruntukan-peruntukan yang diubahsuai bagi melarang penubuhan apa-apa syarikat atau penyertaan ekuiti dalam mana-mana usaha perdagangan atau perniagaan oleh sesuatu Pertubuhan Peladang tanpa kelulusan Pendaftar. Ia juga bertujuan memasukkan subseksyen (3) dan (4) bagi memberi kuasa kepada Pendaftar menghadkan dan mengenakan syarat-syarat ke atas atau mengawal kuasa-kuasa sesuatu Pertubuhan Peladang untuk memastikan Pertubuhan itu diuruskan dengan cekap dan tanpa penduaan fungsi. Rayuan boleh dibuat kepada Menteri jika mana-mana Pertubuhan itu tidak berpuas hati dengan keputusan Pendaftar di bawah subseksyen baru (3) dan (4).

3. *Fasal 3* bertujuan memasukkan subseksyen baru (2) ke dalam seksyen 12 Akta untuk menghadkan liabiliti ahli atau unit-ahli bagi hutang-hutang Pertubuhan Peladang.

4. *Fasal 4* bertujuan menggantikan sebutan mengenai “Pendaftar” dengan sebutan “Ketua Pendaftar”. Ini adalah perlu bagi menyelaraskan nama jawatan di bawah Akta Koperasi 1948 bagi Malaysia Barat, Ordinan Koperasi 1958 bagi Sabah dan Ordinan Koperasi bagi Sarawak yang dahulunya dipanggil Pendaftar dan kini telah dipinda menjadi Ketua Pendaftar.

5. Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan kepada Akta yang tidak disebut adalah pindaan-pindaan kecil atau yang berbangkit sahaja.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1469.]

